



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha  
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah  
Teluk Likas, Peti Surat 11623  
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424  
E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS 02371

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

20 Mei 2019

## **MAJLIS BERBUKA PUASA MAHASISWA/I BERSAMA KETUA MENTERI SABAH**

**Kuala Lumpur (Isnin)** – Kumpulan Yayasan Sabah akan terus memberikan bantuan penajaan kepada para pelajar. Demikian kata Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Haji Jamalul Kiram bin Datuk Haji Mohd. Zakaria dalam ucapan beliau sempena Majlis Berbuka Puasa Ketua Menteri Sabah Merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah Bersama Mahasiswa Mahasiswi Sabah di institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia.

Majlis tersebut diadakan pada 19 Mei 2019 bertempat di Setia City Convention Centre, Shah Alam.

Ucapan beliau disampaikan oleh Puan Bahiwata S. Haji Mulia, Pengurus Kumpulan, Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kumpulan Yayasan Sabah. Pada majlis ini, para pelajar berpeluang berbuka puasa, menunaikan solat Maghrib, Isya' dan Terawih bersama Datuk Dr. Yusof bin Haji Yacob, Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah, wakil kepada Ketua Menteri Sabah merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah.

“Melalui program berbuka puasa ini, para pelajar berpeluang untuk berjumpa dengan pemimpin negeri sambil mengeratkan silaturahim dengan pelajar daripada institusi pengajian tinggi yang lain,” tambah beliau.

Kali pertama dianjurkan pada tahun 2006, majlis ini sentiasa dinantikan oleh para pelajar institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia.

Datuk Haji Jamalul turut menasihatkan para pelajar agar mengisi bulan yang mulia ini dengan aktiviti bermanfaat, mentelaah pelajaran dan banyakkkan beramal bagi memastikan jiwa dan rohani mereka sentiasa terisi dengan perkara-perkara berfaedah.

Seramai 1,190 orang pelajar dari 47 institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia menghadiri majlis berbuka puasa tersebut.

**PIX 1 :** *Para pelajar menjamu selera dengan jamuan berbuka puasa yang disediakan.*

**PIX 2 :** *Datuk Dr. Yusof menyampaikan duit Raya kepada wakil pelajar.*

**PIX 3 :** *Datuk Dr. Yusof bergambar kenangan dengan para pelajar.*

**PIX 4 :** *Ketibaan Datuk Dr. Yusof disambut oleh wakil-wakil pelajar dari setiap institusi pengajian tinggi.*

**-----TAMAT-----**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel : 088-326448  
Faks : 088-421526/088-326424  
Emel : sam@icsb-sabah.com.my